

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Teknologi dalam Islam

PENULIS: Muhammad Salahuddin Bin Mohd Shafie

Tarikh diterbitkan: 18 Januari 2021

Era moden yang begitu pesat berkembang di serata dunia dipacu oleh revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0). Negara kita juga tidak terkecuali. Penggunaan teknologi di negara kita ini boleh dikatakan agak meluas kerana rata-rata rakyat Malaysia cekap dan mahir mengendalikan teknologi ini.

Majoriti rakyat Malaysia adalah pengamal agama Islam, sementelahan Islam adalah agama rasmi di negara kita, sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam Islam, penggunaan teknologi yang meluas adalah diharuskan atau dibolehkan kerana ia mampu menjaga kemaslahatan umat itu sendiri. Antara kepentingan dan manfaat yang diperolehi oleh umat Islam dengan adanya penggunaan teknologi ialah, pertama, negara-negara Islam tidak perlu mengharapkan bantuan negara-negara maju yang bukan Islam dalam membantu menaikkan taraf ekonomi Negara. Kedua, proses pembentukan negara Islam yang lebih maju dapat dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat. Dan ketiga, kemegahan Islam dapat disebarluaskan dengan penggunaan teknologi.

Walau bagaimanapun, teknologi ini merupakan ciptaan manusia, dan sudah pasti tidak terlepas daripada ketidaksempurnaan yang dimiliki oleh manusia itu sendiri. Kekurangan ini telah membawa kepada gangguan teknologi yang mampu memberikan impak negatif terhadap kesejahteraan dan keharmonian terhadap seluruh masyarakat terutama sekali yang beragama Islam. Gangguan teknologi yang dimaksudkan ialah segala perkara yang mengubah tatacara hidup manusia yang asalnya bersifat tradisional kepada yang lebih moden untuk mengejar era konvergen ini. Tatacara hidup yang lebih moden ini menyebabkan kaedah-kaedah tradisional menjadi lapuk dan ketinggalan zaman.

Oleh yang demikian, sebagai seorang muslim yang telah dikurniakan akal fikiran yang waras, sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menggunakan nikmat ini sebaiknya untuk mengubah gangguan teknologi ini kepada satu situasi yang akan memberikan manfaat

yang besar untuk umat Islam seluruhnya. Persoalannya, sebagai seorang muslim yang baik, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan situasi ini dapat mewujudkan nikmat yang berpanjangan kepada masyarakat Islam seluruhnya?

Apakah maksud seorang muslim yang baik? Definisi seorang muslim yang baik ialah pengamal agama Islam yang peka terhadap kemaslahatan ummah dan persekitaran semasa. Apakah perkaitan antara seorang muslim yang baik ini dengan gangguan teknologi? Muslim yang baik akan membantu saudara sesama Islam yang lain menuju kemodenan selari dengan kepesatan penggunaan teknologi itu. Lantaran itu, bagi memastikan umat Islam tidak ketinggalan dan kecundang dalam mendepani perubahan teknologi, mereka perlu memiliki kemahiran dan ketrampelan untuk mengendalikan teknologi. Mereka perlu berusaha sedaya upaya belajar menggunakan peranti moden ini untuk membantu membangunkan ekonomi umat Islam yang sedang terkapai-kapai dibayangi oleh kejayaan ekonomi masyarakat bukan Islam.

Sebagai contoh, kemahiran sendiri yang perlu mereka garap adalah kaedah penggunaan komputer yang efisien dan penggunaan telefon pintar dalam membantu urusan harian mereka. Kata orang, 'Alah bisa tegal biasa' sepatutnya menjadi pendorong mereka untuk membiasakan diri mereka menggunakan teknologi yang pada mulanya mungkin terasa kekok. Bermula dengan penggunaan teknologi yang mudah, mereka seharusnya terus meningkatkan kemahiran dengan mempelajari penggunaan teknologi yang lebih mencabar. Jelaslah bahawa, untuk menghadapi gangguan teknologi, seorang muslim yang baik perlu memahirkan diri mereka dalam menggunakan teknologi itu sendiri.

Sehubungan itu, kemahiran yang telah dimiliki janganlah dibiarkan begitu sahaja bahkan perlu diperbaharui dan dipertingkat untuk bergerak selari dengan arus kemodenan yang pesat berkembang. Hal ini kerana, peranti moden ini tidak akan berhenti berevolusi. Teknologi ini akan sentiasa dikemaskini supaya selari dengan keperluan kehidupan moden. Sebagai seorang muslim yang taat kepada perintah Tuhannya, telah menjadi fardu kifayah buat mereka untuk peka dengan kewujudan ciptaan moden semasa. Mereka perlulah cakna dengan teknologi yang ada di pasaran. Yang manakah di antara yang ada itu masih relevan untuk digunakan dan sebaliknya. Sikap mengambil berat terhadap keperluan ekonomi semasa ini membolehkan gangguan teknologi ini memberikan kesan yang baik terhadap ekonomi

umat Islam kerana mudah bagi mereka untuk mengetahui apakah maklumat terkini yang berkait dengan teknologi yang baru sahaja diperkenalkan.

Dengan info yang baharu ini, mereka akan segera menimba ilmu dan mendalami manual penggunaan teknologi tersebut sehingga mahir dan cekap untuk mengendalikannya. Ini akan menjadi pelita yang akan menerangi kegelapan umat Islam lain yang kurang berpengetahuan. Keprihatinan ini mampu mewujudkan kesepakatan dan kesepaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat Islam kerana mereka semua saling membantu antara satu sama lain. Kerana ada di kalangan umat Islam yang kurang mengambil berat tentang isu moden semasa, apatah lagi mengaplikasikan teknologi ini dalam kehidupan mereka. Terbuktilah bahawa, peka dengan kewujudan teknologi semasa membolehkan seseorang muslim itu menghadapi gangguan teknologi dengan penuh keberkesanan.

Setelah diri cukup mahir dan peka dengan teknologi terkini, ilmu itu perlulah diaplikasikan secara meluas dalam negara. Antaranya membangunkan infrastruktur yang berteraskan teknologi bagi membolehkan seluruh masyarakat merasai dan menjiwai kemanisan yang tidak dapat diungkap sekiranya masih berpegang teguh dengan konsep tradisional. Sebagai contoh, kerajaan yang memartabatkan Islam boleh membangunkan aplikasi bayaran tanpa tunai (*cashless payment*), realiti maya (*virtual reality*) dan realiti gabungan atau realiti berperantara (*augmented reality*).

Dengan adanya sistem aplikasi ini, gangguan teknologi ini dapat memberikan kesan yang positif buat umat Islam terutamanya kerana mampu memudahkan urusan syariat dalam Islam itu sendiri. Hal ini kerana, bayaran tanpa tunai boleh digunakan di dalam sistem perbankan bagi memudahkan urusan pembayaran zakat tanpa perlu pergi ke pusat-pusat zakat. Bagi realiti gabungan, teknologi ini boleh diterapkan dalam sistem pendidikan. Umpamanya, pada musim COVID-19 ini semua sekolah di Malaysia ditutup untuk mengelakkan penyebaran virus wabak tersebut. Oleh itu, para pelajar dikehendaki belajar dari rumah sahaja dan guru mengajar secara dalam talian. Namun, keadaan belajar di rumah tidak begitu kondusif kerana suasana yang tidak menggambarkan bilik darjah. Apabila teknologi berperantara ini digunakan oleh para pelajar, mereka akan merasai suasana sebagaimana kelas mereka walaupun hanya berada di bilik tidur. Dengan ini, umat Islam tidak mempunyai alasan untuk ketinggalan dalam mengejar ilmu sekiranya pusat pendidikan ditutup untuk tempoh masa yang lama. Jelaslah bahawa, mewujudkan kemudahan

berteraskan teknologi membolehkan masyarakat Islam mendepani gangguan teknologi dengan tenang.

Natijahnya, dalam membendung permasalahan yang melibatkan penggunaan teknologi ini perlulah dimulakan dengan diri sendiri dahulu sebelum mengajak orang lain mengikut serta. Tidak perlulah menunggu orang lain dahulu dalam mengubah cara hidup yang lebih berkesan kerana hal tersebut merupakan sifat ego yang tidak perlu ada dalam diri seorang yang beriman. Kita sebagai seorang muslim perlu memiliki sifat prihatin dengan keadaan persekitaran dan membuang sifat endah tak endah terutama dalam kalangan masyarakat Islam sendiri. Kerana perkara ini boleh mencetuskan perpecahan dan menyebabkan kejatuhan empayar Islam sebagai mana yang telah berlaku kepada kerajaan Islam sebelumnya seperti Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyah. Ketiga-tiga empayar Islam yang ulung dan masyhur di seluruh dunia ini tumbang dek kerana kelalaian masing-masing dan tidak mengambil berat akan hal yang berlaku terhadap saudara sesama Islam.

Berlakunya gangguan teknologi kerana teknologi itu sendiri digunakan untuk perkara yang mendatangkan perbalahan antara satu sama lain seperti, menyebarkan fitnah. Gangguan juga berlaku disebabkan kaedah pengendalian teknologi tidak diajarkan kepada umat Islam yang buta IT. Perkara ini akan menyebabkan hubungan silaturahim akan menjadi renggang dan umat Islam tidak dapat bersatu. Oleh itu, kita sebagai muslim yang baik mestilah mengambil tindakan yang betul untuk mengatasi masalah ini. Jika ini dikuasai dan dilaksanakan, pasti ia mampu memberikan keberkesanan yang utuh dalam memelihara keharmonian umat Islam di negara kita mahupun di negara seluruh dunia.